

**Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)**

Volume 4, Issue 6, October 2019

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocsciences.com**Polemik Gender dan Realiti Gaya Komunikasi Pemimpin Wanita Dunia****Emma Binti Tingkas¹, Syahrudin Awg Ahmad¹**¹Program Komunikasi, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah (UMS)Correspondence: Emma Binti Tingkas (excel2u07@gmail.com)**Abstrak**

Kaum wanita sebagai figura dunia merupakan satu pengiktirafan dan penghormatan tertinggi bagi mereka. Beberapa 'figura' wanita dunia dijadikan sebagai unit analisis untuk mengkategorikan gaya komunikasi yang diaplikasi dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai ketua kerajaan dan juga sebagai idola masyarakat dunia. Salah satu ciri untuk menjadi figura dan pemimpin yang berkesan adalah dengan mengamalkan gaya komunikasi yang difikirkan sesuai berdasarkan persoalan tentang Siapa, Di mana dan Bagaimana gaya komunikasi tersebut diaplikasikan. Gaya komunikasi merupakan satu wadah yang digunakan bukan sahaja untuk memastikan kelancaran perjalanan pengurusan sesebuah organisasi namun juga penting dalam urusan hal ehwal tadbir melibatkan kerajaan sesebuah negara serta ketika berhadapan dengan khalayak. "*The way you lead is thru the way you speak*" merupakan falsafah budaya kepemimpinan yang menjadi asas kepada kertas kerja ini. Konsep kertas kerja ini adalah berpaksikan kepada enam gaya komunikasi oleh Tubbs dan Moss (2008) dengan menggunakan kaedah analisis dokumen. Kertas kerja ini juga akan memberikan pemahaman yang lebih jelas tentang gaya komunikasi yang diamalkan oleh 'figura' wanita dunia dalam melaksanakan praktis pengurusan dan pentadbiran kerajaan, organisasi yang diwakili mahupun sewaktu mereka perlu berhadapan dengan publik. Kertas kerja ini diharapkan mampu untuk menjadi perintis agar satu kajian yang lebih mendalam berkaitan karisma wanita samaada sebagai ketua kerajaan mahupun "*public figure*" daripada aspek komunikasi dapat dilakukan pada masa akan datang.

Kata kunci: gaya komunikasi, pemimpin wanita, gender**Gender Polemic and the Reality of World Women Leader Communication Style****Abstract**

Women as the figure of the world are the highest recognition and honor for them. Some of the 'female figures' of the world serve as the unit of analysis in this paper to categorize the style of communication that applied in fulfilling their responsibilities as the head of government and also the idol of the world's society. One of the characteristic to be a respected, well known "*figura*" and effective leader is to adopt a proper style of communication based on the questions of Who, Where and How the communication style is applied. Communication style is one of the tools used not only to ensure the smooth running of an organization's operations but also essential in the governance affairs of a country's government as well as when dealing with the public. "*The way you lead is thru the way you speak*" is the philosophy of leadership culture that is the basis of this paper. The concept of this paper is centered on the six communication styles by Tubbs and Moss (2008) using document analysis method. This paper will also provide a clearer understanding of communication styles practiced by the 'female global figures' in implementing the practice of government management and administration, the

organizations that they represented, even when they need to deal with the public. This paper is expected to be a pioneer for more in-depth studies of women's charisma either as the head of government or the public figure in terms of communication can be done in the future.

Keywords: styles of communication, female leaders, gender

Pengenalan

Kaum wanita telah mengalami fasa tranformasi yang sangat signifikan untuk satu tempoh yang telah berlangsung bermula seawal abad ke-20 dan perubahan tersebut masih berterusan sehingga pada hari ini (Merchant, 2012). Kaum wanita di seluruh dunia telah memperlihatkan perubahan yang sangat membanggakan merangkumi bidang sosio-ekonomi, pendidikan, budaya tidak terkecuali dalam politik. Pada hari ini juga kaum wanita telah mencapai satu tahap diangkat sebagai pemimpin setanding dengan kaum lelaki sehingga ada yang telah dilantik untuk menerajui sebuah negara sebagai ketua kerajaan (Adler, 1996). Istimewanya kaum wanita adalah terletak pada sifat kewanitaan kaum Hawa itu sendiri yang cukup sinonim dengan elemen kelembutan serta kesopanan.

Proses modenisasi dan industrialisasi yang berlaku pada awal abad ke-20 ternyata telah membuka ruang dan peluang kepada kaum wanita untuk berusaha keluar dari kepompong pemikiran konservatif yang menghalang untuk perkembangan potensi diri sejak sekian lama. Menurut Shorter (1976) menyatakan kedua-dua proses ini telah memberikan satu kebebasan kepada kaum wanita untuk keluar dari bayangan sistem patriaki (Bradley, 1992).

Istilah "*glass ceiling*" merupakan satu istilah yang seringkali dikaitkan sebagai satu halangan yang harus ditempuhi oleh kaum wanita dalam mencapai standard sosial yang sama dengan kaum lelaki. Biar pun aspek kepimpinan seseorang itu tidak dipengaruhi oleh faktor gender namun perspektif masyarakat yang masih meletakkan gender sebagai asas dalam menilai budaya kepimpinan itu secara tidak langsung masih menjadi "*taboo*" kepada kaum wanita.

Antara faktor terpenting yang mempengaruhi keberkesanan seseorang pemimpin adalah menerusi kemahiran berkomunikasi (Barret, 2018). Pemimpin yang berkesan dan berjaya merupakan seseorang yang mampu menyampaikan hala tuju, visi dan misi kepada orang bawahannya. Elemen gaya komunikasi yang bersesuaian berdasarkan faktor siapa, di mana dan bagaimana merupakan asas yang sangat penting untuk dipertimbangkan oleh seseorang pemimpin dalam memastikan sebarang perancangan melibatkan subordinat mampu untuk dijayakan ataupun direalisasikan.

Oleh yang demikian, kaum wanita sebagai pemimpin dan figura dunia seharusnya memfokuskan kepada pengaplikasian gaya komunikasi yang efektif agar dapat menonjolkan kredibiliti dalam memimpin serta sebagai "*public figure*" yang disegani serta berkarisma. Hal ini menyokong dapatan kajian yang dibuat oleh Abdullah dan Ainon (2002) yang merumuskan bahawa dalam kepimpinan, terdapat elemen kemahiran berkomunikasi yang berkesan pada diri pemimpin tersebut. Mereka juga merumuskan kemahiran mengaplikasikan bahasa berkesan memberikan impak positif terhadap hubungan sesama manusia.

Definisi Kepimpinan dan Gaya Komunikasi

Menurut Chapman dan O'Neil (2000) kepimpinan merupakan satu proses seseorang pemimpin mempengaruhi orang bawahan atau pengikutnya supaya bergerak seiring ke arah satu matlamat yang sama seterusnya mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan sebelum itu. Konsep kepimpinan merupakan satu konsep yang lebih luas skop pengertiannya dan lebih dinamik jika dibandingkan dengan konsep pentadbiran serta pengurusan.

Oleh yang demikian, budaya kepimpinan sangat dipengaruhi dengan elemen komunikasi kerana sebagai seorang ketua yang diberikan amanah untuk mengetuai sekumpulan subordinat, sebuah organisasi ataupun sebagai ketua kerajaan, komunikasi merupakan satu “*tool*” yang memainkan peranan yang signifikan. Gaya komunikasi yang bersesuaian adalah sangat memainkan peranan dalam memastikan keberkesanan seseorang pemimpin untuk mencapai matlamat didasari dengan penggemblengan usaha melibatkan ketua dan kalangan subordinat sebagai satu pasukan.

Gaya komunikasi dapat didefinisikan sebagai perilaku komunikasi yang digunakan untuk mendapatkan respon atau tanggapan tertentu dalam situasi yang berbeza. Kesesuaian dari gaya komunikasi yang digunakan bergantung kepada tujuan atau maksud daripada pengirim (*sender*) dan harapan daripada penerima (*receiver*) (Herwan Parwiyanto, 2009).

Terdapat enam jenis gaya komunikasi menurut Tubbs dan Moss dan 6 gaya komunikasi tersebut adalah seperti berikut:

- a) Gaya Komunikasi *Equalitarian* (Kesaksamaan)
- b) Gaya Komunikasi *Structuring* (Berstruktur)
- c) Gaya Komunikasi *Relinquishing* (Keterbukaan)
- d) Gaya Komunikasi *Dynamic (Action Oriented)*
- e) Gaya Komunikasi *Controlling* (Mengawal)
- f) Gaya Komunikasi *Withdrawal* (Lepas tangan)

Gaya komunikasi merupakan refleksi kepada keperibadian individu yang setiap satunya mempunyai keunikan yang tersendiri.

Era Kebangkitan Kaum Wanita

Kebangkitan kaum wanita dikatakan bermula pada awal abad ke-20 menyaksikan kemunculan beberapa aktivis wanita yang lantang memperjuangkan hak serta menjadi perintis kepada satu gerakan yang seterusnya membawa satu fenomena luar biasa. Nama-nama seperti Lecretia Mott, Elizabeth Stanton, Lucy Stone dan Susan B Anthony merupakan golongan aktivis wanita terawal yang aktif dan peranan mereka dalam memperjuangkan hak kaum wanita telah membuka satu dimensi baru dalam isu berkaitan kepentingan kaum wanita untuk keluar dari peranan tradisi mereka. Kaum wanita pada era tersebut hanya memfokuskan peranan serta tanggungjawab mereka terhadap keluarga semata-mata (Merchant, 2012).

Dalam kajian yang dilakukan oleh Merchant (2012) iaitu “*How Men and Women Differ: Gender Differences in Communication Styles, Influence Tactics and Leadership Styles*” secara jelas memperincikan gelombang pertama kebangkitan yang berlaku melibatkan kaum wanita di Amerika Syarikat bermula pada awal abad ke-20 dan berakhir sekitar tahun 1920an. Pada gelombang pertama kebangkitan ini, kaum wanita telah didedahkan kepentingan untuk mempunyai pendidikan yang boleh membantu mereka mendapatkan kehidupan yang lebih baik. Kaum wanita pada era ini mula mencabar diri mereka sendiri untuk mendapatkan pendidikan serta melihat secara lebih meluas akan peranan yang boleh serta mampu dilakukan oleh mereka.

Gelombang kedua pula memulakan tirai kebangkitan kaum wanita seawal tahun 1960an sehingga lewat 1980an. Gelombang kedua pula memfokuskan isu untuk mendapat hak kesamarataan gender dalam sistem perundangan, budaya serta melawan keganasan keatas wanita. Terdapat cadangan pindaan dibuat dalam undang-undang rogol, perlindungan kepada kaum wanita dan kanak-kanak serta dalam isu penceraian. Antara aktivis wanita yang aktif dalam siri gelombang kedua ini ialah Simone de Beavoir, Betty Friedan yang juga dikenali sebagai “*Mother of the Movement*” serta Gloria Steinem yang juga merupakan tulang belakang dalam penerbitan Ms. Magazine dan turut menerbitkan buku “*After Black Power, Women’s Liberation*” pada tahun 1969. Mereka ini merupakan golongan aktivis yang begitu gigih memperjuangkan hak kesamarataan gender dan mewakili suara kaum wanita Amerika Syarikat.

Kegigihan mereka membuahkan hasil apabila kaum wanita di Amerika Syarikat semakin yakin serta membuka mata tentang isu diskriminasi gender yang membelenggu mereka setelah sekian lama. Antara kejayaan terbesar dalam gelombang kedua ini apabila Presiden Amerika Syarikat pada tahun 1960 iaitu John F. Kennedy telah meletakkan hak wanita sebagai kunci dalam perubahan dasar kerajaan beliau kepada “mesra wanita” yang diperkenalkan dengan melantik Eleannor Rossevelt untuk mempengerusikan “*Presidential Commission on the Women of Status*” yang berperanan memberikan nasihat kepada Presiden Kennedy dalam hal ehwal melibatkan wanita di Amerika Syarikat. Cadangan untuk menubuhkan “*commission*” ini merupakan cetusan idea Esther Peterson yang juga merupakan Pengarah bagi Biro Wanita Amerika Syarikat. Kerajaan pimpinan John F. Kennedy mengambil serius isu berkaitan hak wanita dan dengan perlantikan Eleannor Rossevelt telah membuka ruang dan peluang untuk kaum wanita memperkasakan lagi peranan mereka dalam usaha mencapai kesaksamaan gender.

Gelombang ketiga dan juga merupakan kemuncak kepada kebangkitan kaum wanita di Amerika Syarikat telah bermula seawal tahun 1990an sebagai kesinambungan gelombang kedua yang berakhir hingga akhir lewat 1980an. Gelombang ini merupakan usaha berterusan yang dilakukan khusus untuk memenuhi aspirasi kaum wanita yang tidak dicapai pada tahap kedua gelombang kebangkitan kaum wanita di Amerika Syarikat. Adalah dipercayai isu yang cuba diperjuangkan dalam siri gelombang kebangkitan ketiga ini masih berterusan sehingga pada hari ini. Isu utama yang mendasari perjuangan pada tahap ini adalah isu yang membatasi peranan kaum wanita. Gloria Anzadua dan Chela Sandavol merupakan generasi aktivis yang telah memulakan usaha mereka dalam fasa terakhir gelombang kedua dan pada tahap gelombang ketiga ini mereka berusaha untuk mengubah persepsi media terhadap kaum wanita.


Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk memberikan gambaran realiti sebenar kaum wanita sebagai pemimpin dan dengan memahami perjalanan sejarah kebangkitan kaum wanita sehingga diangkat sebagai ketua yang mewakili sekumpulan subordinat, organisasi serta kerajaan sesebuah negara malahan menjadi idola masyarakat ternyata perjalanan kaum wanita untuk sampai ke peringkat seperti hari ini bukanlah sesuatu yang mudah. Oleh sebab itu, kajian ini dilakukan dengan mengambil tema Hari Wanita Sedunia 2019 iaitu #*Think Equal, Build Smart, Innovate for Change* sebagai asas kajian serta falsafah “*the way you lead is thru the way you speak*” dalam usaha untuk membuktikan kredibiliti kaum wanita sebagai golongan pemimpin setanding kaum lelaki

Kerangka Konseptual

Kerangka konsep pada Rajah 1 menunjukkan Pemimpin Wanita dan dalam artikel ini Pemimpin Wanita merujuk kepada kaum wanita yang menjadi ketua kerajaan serta menjadi “*public figure*” yang menjadi unit analisis utama.

Terdapat dua komponen utama yang menjadi fokus dalam kajian ini iaitu yang pertama mengenalpasti amalan gaya komunikasi pemimpin wanita dunia dan komponen yang kedua pula ialah untuk mengenalpasti cabaran dan halangan yang dihadapi oleh kaum wanita dalam perjuangan untuk mencapai tahap sehingga dilantik sebagai ketua kerajaan serta figura yang memberikan inspirasi kepada kaum wanita pada hari ini.



Rajah 1 Kerangka Konseptual

Sorotan Literatur

Menurut Huzili (2007), wanita biasanya berperanan sebagai ibu, isteri, anak perempuan, kakak dan adik perempuan dalam sesebuah keluarga, tugas mereka adalah berkaitan dengan pengurusan rumahtangga seperti memasak, mengemas rumah, menjahit dan menguruskan hal ehwal rumahtangga yang lain. Walaubagaimanapun, peranan tradisional yang meletakkan kaum wanita hanya sebagai pengurus rumahtangga tidak begitu sesuai untuk dipraktikkan dalam konteks situasi pada masa kini terutamanya kalangan wanita yang berpendidikan tinggi.

Kaum wanita pada masa kini telah mengalami anjakan paradigma yang menyaksikan perubahan peranan daripada tugas sebagai suri rumahtangga yang menjaga keperluan keluarga kemudiannya menjadi pemimpin wanita dunia yang disegani dan dihormati. Namun begitu, perubahan yang berlaku bukanlah sesuatu yang mudah pada peringkat awal. Penerimaan masyarakat terhadap kaum wanita sebagai pemimpin terpaksa menempuh satu perjalanan masa yang panjang dan kaum wanita seringkali terpaksa bekerja lebih keras dalam membuktikan potensi diri mereka.

Menurut Rashila (1999) menyatakan antara halangan yang terpaksa ditempuhi oleh kaum wanita dalam penglibatan mereka dalam bidang politik ialah faktor gender iaitu kaum wanita terpaksa berhadapan dengan pandangan masyarakat yang kurang yakin dengan kebolehan wanita sebagai pemimpin. Diskriminasi melibatkan peranan gender yang tidak berpihak pada kaum wanita telah lama tertanam dalam masyarakat yang selama ini berorientasikan lelaki (Feagin & Clairece, 1994).

Polemik Gender dan Realiti Gaya Komunikasi Pemimpin Wanita Dunia

Pada tahun 1960, buat pertama kali dalam sejarah politik dunia menyaksikan kaum wanita dilantik untuk menjadi ketua kerajaan. Sirimavo Ratwatte Dian Bandaranaike merupakan Perdana Menteri Wanita pertama dunia yang dilantik mengetuai kerajaan Sri Lanka dan beliau memegang jawatan sebagai Perdana Menteri selama tiga penggal bermula pada tahun 1960-1965, 1970-1977 dan 1994-2000.

Kajian-kajian yang dijalankan berkaitan gender dan kepimpinan kebiasaannya menjadikan gaya dan kepimpinan lelaki sebagai penanda aras dalam bidang kepimpinan (Chliwniak, 1997). Lelaki lebih dikenali sebagai pemimpin yang berkesan dan wanita kebiasaannya memanfaatkan gaya dan kelakuan kepimpinan lelaki dalam pentadbirannya. Walaubagaimanapun, semakin wanita berkuasa sebagai pemimpin, prejudis terhadap golongan wanita juga semakin bertambah hebat (Eagly, Makhinjani & Klonsky, 1992).

Kajian ini mengetengahkan tiga sosok figura wanita yang sangat dikenali lantaran memiliki karisma serta persona sebagai “*public figure*” yang dikagumi oleh masyarakat dunia. Pemilik nama Margaret Thatcher merupakan wanita pertama yang dilantik menjadi Perdana Menteri Britain pada tahun 1979 selepas Parti Konservatif memenangi pilihanraya menewaskan Parti Buruh dengan kelebihan 43 kerusi dari sejumlah 635 kerusi yang dipertandingkan.

Perjalanan karier politik mendiang Margaret Thatcher bukanlah semudah yang disangka apabila pada peringkat awal kemunculan beliau sebagai anggota Parlimen Britain, ternyata kehadiran beliau mendapat reaksi yang “*stereotype*” dari kalangan anggota Parlimen yang majoritinya adalah lelaki. Margaret Thatcher juga merupakan satu daripada 25 orang wanita yang terpilih sebagai wakil Parlimen Britain pada tahun 1959 berbanding bilangan anggota Parlimen lelaki yang berjumlah 605 orang perwakilan (Griffin, 2013). Mendiang Margaret Thatcher mengambil masa hampir 20 tahun sebelum diberikan kepercayaan untuk menjadi ketua kerajaan yang mengetuai kabinet Britain dan berkhidmat selama 11 tahun sebagai Perdana Menteri dengan rekod 3 kemenangan dalam pilihanraya.

Margaret Thatcher merupakan pemimpin wanita dunia yang terkenal dengan ketegasan dan keberanian beliau dalam memimpin kerajaan sebagai Perdana Menteri Britain. Ketegasan beliau dapat dilihat menerusi tindakan beliau menghantar armada tentera Britain ke Kepulauan Falklands dalam usaha mempertahankan wilayah Britain tersebut daripada pencerobohan yang dilakukan oleh tentera Argentina pada tahun 1982.

Tindakan berani Margaret Thatcher mendapat tentangan daripada barisan kabinet beliau sendiri yang meminta beliau untuk memikirkan semula impak tindakan beliau sekiranya rancangan menghantar armada tentera Britain tetap diteruskan. Sekutu rapat Britain iaitu Amerika Syarikat turut tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh Margaret Thatcher dan terus memberikan tekanan terhadap kerajaan pimpinan beliau. Sebaliknya beliau berkata:

“*Go ahead, take it!*”- Margaret Thatcher

Jelas ini merupakan satu ciri seorang pemimpin yang memperlihatkan amalan gaya komunikasi Mengawal (*the Controlling style*) yang sememangnya memerlukan seseorang pemimpin mempunyai tahap ketegasan yang tinggi untuk membuat keputusan terutama sekali ketika berhadapan dengan situasi sukar. Dalam satu ucapan yang disampaikan oleh Dr Robin Harris sempena memperingati mendiang Margaret Thatcher yang dianjurkan oleh *The Heritage Foundation (Leadership for America)* pada tahun 2013, beliau menyatakan bahawa mendiang Margaret Thatcher merupakan seorang yang radikal (bukannya radikal yang berhaluan kiri) namun radikal yang konservatif yang selalunya akan menimbulkan rasa tidak puas hati kebanyakan orang. Namun itulah kelebihan yang dimiliki oleh Margaret Thatcher, keberanian dan ketegasan sehingga selayaknya beliau diberikan jolokan sebagai “*The Iron Lady*”.

Figura yang kedua pula merupakan bekas Wanita Pertama Amerika Syarikat iaitu Michelle Obama yang juga merupakan isteri kepada mantan Presiden Amerika iaitu Barack Obama. Barack Obama memegang jawatan sebagai Presiden selama dua penggal bermula pada tahun 2008 sehingga 2016 sebelum diambil alih oleh Donald Trump dari Parti Republikan. Michelle Obama yang mendapat jolokan “*American Sweetheart*” merupakan seorang wanita yang memiliki karisma tersendiri biarpun beliau hanya merupakan “*First Lady*”. Ketokohan serta kepetahan beliau ketika berucap merupakan satu kelebihan yang dimiliki oleh Michelle Obama sesuai dengan latar belakang undang-undang yang dimiliki oleh beliau.

Dalam kajian yang dibuat oleh Weaver (2013) iaitu “*Who’s Afraid of Michelle: Forcing The Feminine Style to Recast Obama’s Identity During The 2008 Presidential Campaign*” membincangkan “*Political Feminine Styles*” menerusi karektor Michelle Obama sebagai “*The First Lady*” serta amalan gaya komunikasi yang dipraktikkan oleh Michelle sepanjang tempoh suaminya berkhidmat sebagai Presiden di Rumah Putih.

Menurut Mundy (2008) beliau menyatakan *“the day she was born, Michelle Robinson embodied the unique combination of discrimination and opportunity, hardship and overcoming, of being acted upon and acting that would define of black history in America. Of history in America, period”*.

Pada siri kempen pemilihan calon Presiden untuk mewakili parti Demokrat pada tahun 2008, Michelle Obama ketika diajukan soalan berkaitan sokongan yang jauh lebih rendah diterima oleh suaminya iaitu Barack Obama jika dibandingkan dengan seorang lagi calon ketika itu iaitu Hillary Clinton khususnya sokongan dari masyarakat *“African American”* sendiri yang cenderung menyokong Hillary yang juga merupakan isteri kepada mantan presiden Amerika Syarikat iaitu Bill Clinton. Michelle Obama memberikan jawapan yang agak beremosi tetapi mempunyai aura yang mampu menyuntik semangat masyarakat di negara Uncle Sam itu untuk memberikan peluang kepada calon berkulit hitam mewakili Parti Demokrat bagi menentang calon Presiden dari Parti Republikan (White, 2011).

“I’m completely confident, Black America will wake up and get it. But what we’re dealing with in the Black community is just, the natural fear of possibility. You know, when I look at my life, the stuff that we’re seeing in these polls has played out of my whole life. Always been told by somebody that I’m not ready, I can’t do something, and my scores weren’t high enough. You know there’s always that doubt in the back minds of people of color, people who’ve been oppressed and haven’t been given real opportunities that you never really believe--that you believe that somehow, someone is better than you. Deep down inside you doubt whether you can do it because that’s you’ve been told is “no, wait”. That’s all you hear. And you hear it from people who love you not because they don’t care about you but because they’re afraid, they’re afraid that something might happen. That’s the psychology that’s going on in our heads, in our souls and I understand it. I know where it comes from. And I think that its one of the horrible legacies of racism and discrimination and oppression. It keeps people down in their souls”
(transcribed from a Youtube clip of Morning Joe episode, 2008)

Michelle Obama merupakan contoh Wanita Pertama yang begitu peka terhadap kepentingan rakyat Amerika khususnya melibatkan kaum wanita, golongan kanak-kanak serta kebajikan keluarga anggota pertahanan Amerika Syarikat. Contoh program yang dijalankan atas inisiatif Michelle Obama ialah *“Let’s Move!”* yang memfokuskan kepada golongan kanak-kanak dalam menggalakkan amalan pemakanan sihat bagi mengelakkan masalah obesiti. Dalam satu temubual bersama *New York Times* pada tahun 2010, beliau menyatakan *“I want to leave something behind that we can say: “Because of this time that this person spent here, this thing has changed”, and my hope is that that’s going to in the area of childhood obesity”* (Stolberg, 2010).

Kempen *“Let’s Move!”* merupakan satu contoh legasi yang dimulakan oleh Michelle Obama dan beliau juga menerbitkan buku *American Grown: The Story of the White House Kitchen, Garden and Gardens Across America* yang mendokumentasikan *“vegetable garden”* yang terdapat di Rumah Putih sepanjang empat musim, resipi untuk pemakanan sihat serta berkongsi pengalaman beliau sepanjang mengusahakan projek *“vegetable garden”* ini (Weaver, 2013).

“I take great pride in knowing that this little garden will live on as a symbol of the hopes and dreams we hold of growing a healthier nation for our children”
(Michelle Obama, October 2016)

Menurut Moore (2009) dan Raskin (2011), *“Michelle Obama leads by example; she plants and harvests the White House garden. Her own workout regimen-including a personal trainer, daily workouts at 5.30am and her iPod playlist-has been reported in numerous fitness magazines”* sekaligus membuktikan ciri dinamik yang dimiliki oleh beliau bukan sekadar berlandaskan kepada kata-kata namun dibuktikan menerusi tindakan yang ditunjukkan oleh beliau.

Bekas Wanita Pertama Amerika Syarikat ini merupakan seorang ikon wanita yang secara jelas mempraktikkan gaya komunikasi Dinamik (*the Dynamic style*) yang berpaksikan kepada “*action oriented*” menerusi usaha berterusan beliau mempromosikan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat Amerika Syarikat sendiri. Sepanjang tempoh 8 tahun Presiden Obama menerajui Rumah Putih adalah tidak salah jika dikatakan karisma yang dimiliki oleh isteri beliau iaitu Michelle Obama turut memainkan peranan dalam meningkatkan dan mengukuhkan populariti Presiden Obama dalam kalangan rakyat Amerika.

Memegang rekod sebagai Perdana Menteri termuda yang pernah dilantik dalam sejarah di New Zealand, Perdana Menteri Jacinda Ardern ternyata telah menjadi antara Perdana Menteri yang paling menonjol untuk tahun ini. Populariti serta ketokohan Jacinda Ardern naik mendadak tatkala New Zealand melalui episod hitam serangan yang mengorbankan banyak nyawa di Christchurch pada tanggal 15 Mac 2019. Dunia dikejutkan dengan serangan yang dilakukan terhadap masyarakat minoriti Muslim (kebanyakannya merupakan golongan imigran yang tinggal di Christchurch) oleh individu pelampau agama.

Perdana Menteri Jacinda Ardern merupakan Perdana Menteri New Zealand yang paling muda dilantik pada usia 37 pada tahun 2017 dalam tempoh 150 tahun. Beliau juga merupakan Ketua Parti Buruh dan dilantik menjadi Perdana Menteri ke-40 New Zealand dan juga sebagai Perdana Menteri Wanita kedua selepas Helen Clark yang dipilih seurus memenangi pilihanraya. Beliau digambarkan sebagai pemimpin wanita yang berjaya mengubah senario politik New Zealand biarpun pada peringkat awal perlantikan beliau sebagai Perdana Menteri, beliau seringkali dilabel sebagai pemimpin yang kurang berpengalaman (Mills, 2018).

Peristiwa serangan yang mengorbankan ramai nyawa pada 15 Mac 2019 telah melenyapkan sama sekali kesangsian masyarakat New Zealand dan antarabangsa terhadap keupayaan Jacinda Ardern sebagai Perdana Menteri. Kini Jacinda Ardern dikenali sebagai pemimpin yang berjaya menyatukan segenap rakyat New Zealand untuk bersama beliau dalam mengutuk serangan yang mengorbankan seramai lebih 50 nyawa.

Berikut merupakan petikan ucapan Perdana Menteri Jacinda Ardern dalam reaksi awal beliau terhadap kejadian serangan mengejut yang pertama kali berlaku dalam sejarah New Zealand.

“Our thoughts and our prayers are with those who have been impacted today. Christchurch was the home of these victims. For many, this may not have been the place they were born. In fact, for many, New Zealand was their choice. The place they actively came to, and committed themselves to. The place they were raising their families, where they were part of communities who they loved and who loved them. It was a place that many came to for its safety. A place where they were free to practice their culture and their religion. For those of you who are watching at home tonight, and questioning how this could have happened here, we -- New Zealand -- we were not a target because we are a safe harbor for those who hate. We were not chosen for this act of violence because we condone racism, because we are an enclave for extremism. We were chosen for the very fact that we are none of these things. Because we represent diversity, kindness, compassion, a home for those who share our values, refuge for those who need it. And those values, I can assure you, will not, and cannot, be shaken by this attack” (Prime Minister Jacinda Ardern, March 2019).

Secara jelas, beliau merupakan pemimpin yang mengaplikasikan gaya komunikasi Kesaksamaan (*the Equalitarian style*) dan pemimpin yang berpaksikan gaya komunikasi jenis ini merupakan pemimpin yang memiliki sikap empati yang tinggi dan mampu mewujudkan jaringan hubungan yang baik dengan orang sekeliling.

Dalam satu forum antarabangsa yang dianjurkan di UAE iaitu *International Government Communication Forum* (IGCF) seperti yang diterbitkan dalam *prweek.com* hasil tulisan Jennifer Bell,

Dr Abdullah Al-Maghlouth yang bertindak sebagai jurucakap bagi Kementerian Media dan juga merupakan Pengarah bagi Pusat Komunikasi Kerajaan Arab Saudi memuji Perdana Menteri Jacinda Ardern atas tindakan pantas beliau berhadapan dengan isu serangan yang berlaku malahan menyifatkan Perdana Menteri Jacinda Ardern sebagai seorang komunikator yang baik dan wajar untuk dicontohi.

“In the recent attacks in New Zealand, and I hope nothing like that ever happens again, Jacinda Ardern was quick, emotional and direct. As a result, nobody blamed her for the attacks. Instead, people admired her” (Al Maghlouth, 2019)

Kesimpulan

Berdasarkan kepada analisis yang dilakukan, ternyata ketiga-tiga sosok figura wanita dunia ini telah berjaya menonjolkan karisma serta potensi menerusi pengaplikasian gaya komunikasi yang unik dan memberikan gambaran karektor bagi pemilik nama Margaret Thatcher, Michelle Obama dan juga Jacinda Ardern.

Margaret Thatcher akan sentiasa dikenang sebagai antara tokoh politik wanita yang unggul lantaran keberanian dan ketegasan beliau dalam memegang tanggungjawab sebagai Perdana Menteri Wanita pertama Britain. Rakyat Britain dan masyarakat antarabangsa akan sentiasa mengenang Margaret Thatcher sebagai ikon wanita yang berjaya mengubah persepsi masyarakat terhadap kepimpinan wanita.

Jasa terbesar Margaret Thatcher antaranya berjaya membawa keluar Britain dari kemelut ekonomi dalam era 80-an. *“You turn if you want to, the lady’s not for turning”* merupakan antara petikan kata-kata Margaret Thatcher yang akan kekal menjadi *“trademark”* bagi wanita yang digelar sebagai *“The Iron Lady”* ini.

Michelle Obama pula akan sentiasa diingati dengan kepetahan dan retorik bahasa penuh semangat dalam setiap ucapan beliau yang berjaya menambat hati rakyat Amerika Syarikat. Beliau merupakan *“First Lady”* pertama yang mewakili masyarakat *African American* serta usaha beliau dalam memperjuangkan hak untuk memperbaiki kualiti pendidikan terutama sekali melibatkan kanak-kanak serta remaja perempuan seluruh dunia adalah sesuatu yang wajar dicontohi oleh ikon wanita dunia yang lain. Beliau telah melancarkan *“Let Girls Learn”* pada tahun 2015 selepas pertemuan beliau dengan pemenang Nobel Keamanan iaitu Malala Yousafzai yang terkenal sebagai ikon pejuang hak kanak-kanak untuk mendapatkan pendidikan.

Perdana Menteri Jacinda Ardern merupakan generasi pemimpin politik wanita yang mewakili era masa kini dan dunia akan sentiasa memberikan perhatian terhadap setiap langkah dan tindakan yang diambil oleh Jacinda Ardern. Sifat keterbukaan serta empati yang dimiliki oleh Jacinda Ardern ternyata telah menjadi satu kekuatan yang dimiliki beliau dalam menjadi ketua kerajaan bagi negara yang mempunyai bilangan tidak sampai 5 juta orang penduduk. Beliau berjaya menjadi simbol penyatuan masyarakat New Zealand dan seluruh ahli kabinet kerajaan serta anggota Parlimen berdiri teguh bersama Perdana Menteri Jacinda Ardern dalam menghadapi isu serangan yang berlaku di Christchurch baru-baru ini.

Sewajarnya polemik gender yang membelenggu kaum wanita pada masa kini haruslah diketepikan sebaliknya pengemblengan usaha bersama perlu dijadikan sebagai langkah berterusan dalam mewujudkan keseimbangan peranan antara kaum wanita dan kaum lelaki. Keseimbangan peranan ini akan mewujudkan satu suasana harmoni dan menjadikan dunia ini lebih baik untuk semua.

Rujukan

Alex Badas, Katelyn E. Stauffer. (2019). *Michelle Obama as a Political Symbol: Race, Gender, and Public Opinion toward the First Lady*. Cambridge University Press.

- Ardern, (J). (August 2018). Jacinda's speech to Campaign Launch. https://www.labour.org.nz/jacindas_speech_to_campaign_launch.
- Bond, K.E. (2008, Oktober/November). *Who's afraid of Michelle Obama: Why so many find it scary imagining her as First Lady*. *Bust*. 56-59
- Constitutional Rights Foundation. (2000). *Margaret Thatcher and Conservative Politics in England*: California Dept of Education.
- Dr. Robin Haris. (2013). *Not for Turning: The Life of Margaret Thatcher*. Washington: The Heritage Foundation.
- Dorey, P. (2013) *Margaret Thatcher*. Cardiff University.
- Evans, Eric. (1997). *Thatcher and Thatcherism*. (Routledge).
- Eagly, A.h. (2013). *Gender and Work: Challenging Conventional Wisdom*. Massachusetts: Harvard Business School.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif* (Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012). Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim.
- Philips, Anne. (1992). *Classing the women and gendering the class*. dalam. *Defining Women*, disunting oleh I. McDowell & R. Pringle. Cambridge: Polity Press.
- Rashila Ramli. (1998). *Pembangunan politik dan gender: Cabaran dan strategi bagi calon-calon wanita*. dalam. *Gender: Budaya dan Masyarakat*, disunting oleh Rokiah Talib & Shanthi Thambiah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Timperley, (C). (2018). *Jacinda Ardern: A Transformational Leader?* Victoria University.
- Wapshott, Nicholas. (2007). *Reagan and Thatcherism- A Political Marriage*. (Sentinel).